



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

Khamis, Disember 01, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

CARI

| A- | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### Fusion Lab UPM Tonjol Potensi Remaja dan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas

Oleh Syifarida Muhamad Zaki



**SERDANG, 27 Nov** – Kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas yang mengalami *Syndrome Down* mempamerkan kebolehan dan bakat mereka dalam kesenian muzik pada Program Intervensi Terapi Komuniti untuk Murid Berkeperluan Khas melalui Makmal Pendidikan Khas (Fusion Lab), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pogram anjuran Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), UPM itu menentangahkan kaedah intervensi muzik dengan persembahan murid berkeperluan khas Fusion Lab, UPM bersama kumpulan pakar muzik UPM dan murid dari *Batu Road School Band*.

Program bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai terutama ibu bapa dan golongan pendidik bahawa golongan berkeperluan khas berpeluang mengembangkan potensi mereka melalui sokongan serta keyakinan daripada masyarakat.

Antara persembahan yang ditonjolkan pada program itu ialah duet pemain violin dan piano oleh seorang pelajar autism serta persembahan dikir barat, kuda kepang dan tarian.





Penasihat Program Fusion Lab, UPM, Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan berkata program itu dapat mendalami potensi murid berkeperluan khas melalui interaksi.

"Pendekatan seni muzik dapat membantu ke arah memperkembangkan potensi murid berkeperluan khas daripada pelbagai aspek.

"Kami berharap program ini dapat memberi kesedaran dan keprihatinan semua lapisan masyarakat mengenai potensi bakat yang boleh dicungkil yang boleh membawa mereka menjadi terkenal di mata dunia," katanya.



Koordinator Latihan, Seameo Regional Centre For Special Education, Monishah Md. Shah berkata Fusion Lab, UPM adalah platform penting menyumbang kepada pengiktirafan Malaysia sebagai negara yang berjaya mendidik murid berkeperluan khas.

"Usaha UPM menentang bakat terpendam golongan berkeperluan khas ini sekaligus dapat memberi sokongan sosial dan moral daripada segi pengurusan diri serta tingkah laku mereka sebagai komponen penting dalam keluarga dan komuniti," katanya.

Beliau berharap masyarakat dapat memanfaatkan Fusion Lab, UPM yang boleh membawa kepada pembangunan ekosistem masyarakat yang kondusif terhadap remaja berkeperluan khas.